



MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga ini terbuka kepada Syarikat Bumiputera sahaja.
2. Pembekal-pembekal hendaklah membawa sijil asal serta salinan sijil :-
 - i) Sijil SSM
 - ii) Sijil Kementerian Kewangan
 - iii) Lesen Kementerian Dalam Negeri

Ketika menghantar dokumen sebutharga ke Majlis Perbandaran Port Dickson.

3. Pembekal perlulah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. **Pendaftaran pembekal** boleh dibuat di **Jabatan Kejuruteraan, MPPD**.
4. Borang sebutharga hendaklah diisi menggunakan **pen dakwat cair hitam**.
5. Borang sebutharga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Kejuruteraan, MPPD. Nombor sebutharga dan juga tajuk bekalan hendaklah ditulis disebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebutharga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan seperti di lampiran 1.
6. Setiap kesilapan pada borang hendaklah ditandatangani ringkas. **Tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (liquid paper)**.
7. Pembekal hendaklah memberikan bukti keupayaan dalam bentuk tunai atau kemudahan kredit yang disahkan oleh pihak bank dan disertakan bersama borang sebutharga.
8. Sebutharga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebutharga. Walaubagaimanapun kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebutharga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.

Lampiran 1

No. Sebutharga & Harga Dokumen	Tajuk Bekalan	Kod Bidang	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebutharga Ditutup
SH 61/2018 RM 53.00 (termasuk GST)	SEBUT HARGA CADANGAN MEREKA, MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KUPON PARKIR KERETA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN	211601 / 221602 / 221607	Jabatan Pelesenan, Pejabat Cawangan Majlis Perbandaran Port Dickson, Bangunan Terminal Bas, Bandar Port Dickson 71009 Port Dickson Tarikh: 11 April 2018 Hingga 19 April 2018	Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Port Dickson KM 1 Jalan Pantai, 71009 Port Dickson Tarikh: 19 April 2018 Sebelum Jam 12.00 t/hari